SinarHarian SinarOnline SinarHarian sinarharian Sinar Harian Sinar Harian Official






# MOSTI mulakan projek pengesanan vaksin dengan teknologi Blockchain

| | 02 Mac 2021



Hentikan kesakitan di seluruh badan!
BERITA & SAINS MALAYSIA | Sponsored

Baca cerita seterusnya >

A- A+

KUALA LUMPUR - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan MIMOS, dengan kerjasama Kementerian Kesihatan (KKM), telah memulakan projek pengesanan vaksin yang berkaitan dengan teknologi Blockchain di peringkat konsep.

Timbalan Menteri MOSTI, Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata, penjejakan vaksin boleh digunakan bukan hanya untuk Covid-19 tetapi juga bagi vaksin atau ubat-ubatan lain di Malaysia.

"Ia akan dimulakan dengan siri setiap ubat, dengan penjejakan dilakukan dari pengilang hingga ke rantaian bekalan kepada doktor yang memberikan ubat serta individu yang menerimanya.

"Sistem ini kemudian dapat digunakan untuk menyediakan Sijil Kesihatan Digital yang memenuhi piawaian antarabangsa, misalnya CommonPass yang disokong oleh Forum Ekonomi Dunia dan Yayasan Rockefeller sehingga memudahkan pergerakan perjalanan dan rentas sempadan," menurutnya dalam kenyataan pada Selasa.




Beliau berkata, antara aplikasi teknologi Blockchain adalah untuk mengesan pergerakan ubat-ubatan yang mana di peringkat global, teknologi Blockchain dalam industri penjagaan kesihatan dianggarkan bernilai sekitar AS$500 juta (RM2,044 juta) menjelang 2022.

Savings up to 76% Off

Awesome freebies worth up to RM178

Ahmad Amzad berkata, Blockchain dapat digunakan dalam penilaian insurans dan tuntutan, pengesahan penyedia penjagaan kesihatan, rantai bekalan ubat dan peranti, catatan kesihatan diri dan pertukaran data kesihatan serta penyelidikan dan penilaian klinikal.

"Blockchain boleh digunakan untuk mengesahkan kesahihan ubat-ubatan dan ini membantu membuktikan salasilah ubat-ubatan dari sudut pembuatan hingga penggunaan... sebagai contoh, Blockchain boleh digunakan untuk mengesan vaksin dari kilang pembuatan hingga ke tahap pentadbiran dan pengedaran," katanya.

Beliau berkata, Blockchain juga menambah baik akses kepada rekod perubatan pesakit yang mana buat masa ini, institusi yang menyimpan rekod perubatan elektronik mempunyai kekangan apabila pangkalan data di sebuah hospital tidak dapat 'bercakap' dengan rakan sejawatnya di hospital lain disebabkan operasi berasingan dan menggunakan perisian berbeza.

Hentikan kesakitan di seluruh badan!

Baca cerita seterusnya >

Savings up to 76% Off

Awesome freebies worth up to RM178

Katanya, ini menyebabkan tahap kecekapan yang rendah antara hospital yang berbeza apabila berurusan dengan pesakit yang sama.

"Blockchain yang dapat diakses secara universal akan membolehkan data diakses oleh pihak berkepentingan yang berkaitan secara selamat dan disahkan... akses dapat diberikan oleh pesakit dengan menggunakan kontrak pintar.

"Ini bukan sahaja meletakkan kawalan data kesihatan diri di tangan individu tetapi juga memudahkan rawatan bagi penyakit berulang dan mengurangkan kelewatan rawatan yang tepat," katanya.

Beliau berkata, konsep sama dapat membantu meningkatkan kecekapan tuntutan insurans perubatan yang mana sebagai pesakit, seseorang itu mungkin berurusan dengan doktor dan klinik atau hospital berbeza, menyebabkan sejarah perubatan berada di tempat berasingan.

"Menempatkan rekod perubatan pada Blockchain yang membolehkan akses yang sesuai bukan sahaja membolehkan akses yang lebih cepat bagi syarikat insurans tetapi juga membantu mengurangkan kejadian penipuan," katanya.

Ahmad Amzad berkata, teknologi seperti Blockchain juga boleh digunakan dalam pelbagai bidang daripada pertanian kepada perikanan, kesihatan kepada pendidikan dan pelbagai lagi yang mampu melonjakkan tahap sosioekonomi negara.

Beliau berkata, Blockchain boleh digambarkan sebagai satu pangkalan data yang dikongsi antara pengguna tertentu dengan cara teredar dan tersebar.

"Dengan cara ini, tidak ada seorangpun yang mempunyai kawalan ke atas pangkalan data ini yang mana pangkalan data ini juga terdapat log digital bagi semua transaksi yang berkaitan... data yang tersimpan juga selamat melalui kaedah kriptografi.

"Blok data ini dirantai bersama dan menghasilkan satu rekod audit yang tidak boleh diubah... kombinasi ciri-ciri ini memberikan peluang unik untuk penggunaan Blockchain dalam pelbagai bidang dan dapat melonjakkan tahap sosioekonomi negara," katanya. - Bernama

**Hentikan kesakitan di seluruh badan!**
**BERITA & SAINS MALAYSIA** | Sponsored

Pele terima suntikan vaksin Covid-19
Baca cerita seterusnya

**TERKINI** | POPULAR

1 Pele terima suntikan vaksin Covid-19

2 'Tiada lagi negeri PKP, bila Parlimen boleh...

3 'Nyawa tidak boleh diganti, kenakan hukuman...

4 Polis minta bantuan kesan remaja perempuan hilang

5 Hospital antara 15 bangunan kerajaan di Perak tiada FC

*Dapatkan informasi dan statistik terkini penularan wabak Covid-19 di Malaysia di sini: https://info.sinarharian.com.my/koronavirus*

Advertisement

**Apakah reaksi anda?** 1 vote Powered by Vuukle

100% Gembira · 0% Biasa Jer · 0% Terhibur · 0% Teruja · 0% Marah · 0% Sedih

100%

**Hentikan kesakitan di seluruh badan!**
**BERITA & SAINS MALAYSIA** | Sponsored

Baca cerita seterusnya ›

## Artikel Berkaitan



### Selesaikan masalah Covid-19 sebelum laksana PRU

SHAH ALAM - Kemelut politik yang sedang melanda negara ketika ini boleh diselesaikan menerusi Pilihan Raya Umum (PRU), bagaimanapun masanya tidak...



### Sekat aplikasi galak aktiviti pelacuran

KUALA TERENGGANU - Kajian terhadap penyalahgunaan teknologi dalam menyuburkan kegiatan pelacuran di negara ini perlu dilakukan bagi mengekang...



### Produk, teknologi dikomersial MOSTI lepasi sasaran: Khairy

PUTRAJAYA - Sebanyak 386 produk, teknologi dan perkhidmatan berjaya dikomersialkan dengan nilai pendapatan RM402 juta. Menteri Sains, Teknologi dan...

### Siti A'iasah dilantik sebagai Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia

SHAH ALAM - Timbalan Ketua Pengarah Program Perkhidmatan Teknikal, Agensi Nuklear Malaysia, Dr Siti A'iasah Hashim dilantik sebagai Ketua...

## Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

Langgan

DMCA PROTECTED

**Hentikan kesakitan di seluruh badan!**
**BERITA & SAINS MALAYSIA** | Sponsored

Baca cerita seterusnya >

## Rahsia remaja hidup mewah terbongkar

KOTA BHARU - [DIKEMAS KINI] Rahsia kehidupan mewah seorang remaja berusia 18 tahun dan bapanya yang bekerja sebagai penjual besi buruk di Tanah Merah terbongkar susulan mereka ditahan polis pada Rabu kerana dipercayai terbabit dalam kegiatan …

Sinarharian


## 10 Rumah Paling Mahal Di Malaysia Bagi Tahun 2020

**iProperty.com.my** | Sponsored

**zezah Drop Shoulder Blouse - Brown Paisley**

M79

**oplook**

Shop Now

**0 Rumah Paling Mahal Di Malaysia Bagi Tahun 2020**

**roperty.com.my**

**entikan kesakitan di seluruh badan!**

**ERITA & SAINS MALAYSIA**

**esakitan pada sendi anda akan hilang selamanya**

**ERSATUAN KESIHATAN MASYARAKAT**

**ara paling mudah untuk singkirkan lemak perut!**

**etoslim**

**Cawan (Sebelum Tidur), Membakar Lemak Perut Seperti Gila.**

**Hentikan kesakitan di seluruh badan!**

**BERITA & SAINS MALAYSIA** | Sponsored

Baca cerita seterusnya

ltra Fast Keto Boost

cawan (setiap hari), perhatikan lemak perut anda cair seperti orang gila
hinyakoso Enzyme

atu cawan (sekali) membakar lemak perut dengan serta-merta
apan Shinyakoso

Sponsored Links by Taboo

Hentikan kesakitan di seluruh badan!
BERITA & SAINS MALAYSIA | Sponsored

Baca cerita seterusnya